



Rujukan Kami : JANM.BPPP.500-3/1/1 (4)
Tarikh : 02 Mei 2024

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/ Negeri/ Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/
Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN
(PELBAGAI GRED) DAN PEMBANTU AKAUNTAN (PELBAGAI GRED) DI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)**

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk
Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan kepada perkara di
atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan
kenaikan pangkat jawatan Penolong Akauntan (pelbagai gred) dan Pembantu
Akauntan (pelbagai gred) seperti berikut:

- 2.1 Urusan Kenaikan Pangkat Penolong Akauntan W36 ke W40;
- 2.2 Urusan Kenaikan Pangkat Penolong Akauntan W32 ke W36;
- 2.3 Urusan Kenaikan Pangkat Penolong Akauntan W29 ke W32;
- 2.4 Urusan Kenaikan Pangkat Pembantu Akauntan W26 ke W28;
- 2.5 Urusan Kenaikan Pangkat Pembantu Akauntan W22 ke W26; dan
- 2.6 Urusan Kenaikan Pangkat Pembantu Akauntan W19 ke W22

3. Permohonan urusan kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada
syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Telah memangku gred kenaikan pangkat pada 2 Januari 2023
sehingga 31 Disember 2023; dan
- 3.2 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4. Semua permohonan kenaikan pangkat perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem Pengurusan Kerjaya Jabatan Akauntan Negara Malaysia (iSPK-AG) melalui capaian <https://ispk.anm.gov.my>. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan perlu melengkapkan permohonan pegawai dengan memuat naik maklumat dan dokumen-dokumen seperti berikut dalam Sistem iSPK-AG:

- 4.1 Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) pegawai yang telah dikemas kini dan terkini;
- 4.2 Salinan Kelulusan Tapisan Keutuhan SPRM;
- 4.3 Salinan Pinjaman Pendidikan (sekiranya ada);
- 4.4 Salinan Pengisytiharan harta dan
- 4.5 Salinan Laporan Penilaian Presasi (LNPT) bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Permohonan Urusan Pemangku/ Kenaikan Pangkat melalui Modul Perkhidmatan iSPK-AG dan Manual Pengguna (Pegawai Skim Perakaunan dan Gunasama JANM) iSPK-AG melalui pautan : [KLIK DI SINI](#) untuk rujukan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan jua. Permohonan urusan pemangku ini perlu dihantar melalui sistem iSPK-AG **sebelum atau pada 31 Mei 2024 (Jumaat)**.

6. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 3 sahaja yang disahkan di dalam sistem iSPK-AG**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

BIL	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel Jabaan @anm.gov.my
1.	Puan Jesseca Anak Randi	03-88821094	jesseca.randi
2.	Puan Nurul Asma binti Nordin	03-88821060	nurul.asma
3.	Puan Puteri Nazatul Natrah binti Azizan	03-88821093	puteri.azizan

8. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


[ANIS MASTURA BINTI AZIZAN]
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
b.p Akauntan Negara Malaysia
Tel. : 03-8882 1100
E-mel : anis.azizan@anm.gov.my

s.k

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia